UNTUK PIHAK YANG TIDAK DIWAKILI

# PENDAFTARAN BAGI PERBICARAAN KEMUFLISAN

## melalui Kios Layan Diri Sistem Pengurusan Paparan Berpusat

SUPREMECOURT
SINGAPORE

Risalah ini adalah panduan langkah demi langkah untuk membantu pihak yang tidak diwakili peguam buat pendaftaran bagi perbicaraan kemuflisan melalui Kios Layan Diri Sistem Pengurusan Paparan Berpusat (CDMS).

Diterbitkan oleh Mahkamah Agung Singapura pada Oktober 2018. Semua maklumat yang tertera di dalam risalah ini adalah betul pada masa percetakan.

# Kandungan


| | | |
|---|---|---|
| (I) | Pengenalan | 2 |
| (II) | Lokasi Kios Layan Diri CDMS, Panel Panggilan Nombor Giliran dan Kamar Perbicaraan Kemuflisan | 3 |
| (III) | Gambaran Keseluruhan Pendaftaran | 5 |
| (IV) | Proses Pendaftaran | 6 |

# (I) PENGENALAN

Pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan kemuflisan dikehendaki mendaftarkan kedatangan mereka dan mengambil nombor giliran di Kios Layan Diri Sistem Pengurusan Paparan Berpusat (CDMS). Apabila kes anda sedia untuk didengar, panel-panel panggilan nombor giliran akan berbunyi dan nombor giliran anda yang berwarna merah akan dipaparkan di panel-panel panggilan. Sila duduk di kawasan menunggu di Aras 2 di mana terletaknya panel-panel panggilan. Kes anda akan didengar oleh Penolong Pendaftar di salah satu kamar perbicaraan kemuflisan yang terletak di Aras 2.



KIOS LAYAN DIRI CDMS




PANEL PANGGILAN NOMBOR GILIRAN

# (II) LOKASI KIOS LAYAN DIRI CDMS, PANEL-PANEL PANGGILAN DAN KAMAR PERBICARAAN KEMUFLISAN

Ada sebanyak 7 Kios Layan Diri CDMS (yang ditandakan ★) yang terletak di aras-aras tertentu Mahkamah Agung. Kamar perbicaraan kemuflisan (yang ditandakan ■) dan ketiga-tiga panel panggilan (yang ditandakan ♦) terletak di aras 2. Sila lihat lokasi-lokasi yang ditandakan dalam pelan lantai di bawah ini:

**ARAS 1**




**ARAS 2**



## ARAS 3




## ARAS 4




## KUNCI

★ Kios Layan Diri CDMS

# (III) GAMBARAN KESELURUHAN PENDAFTARAN

Carta aliran di bawah ini memberikan gambaran keseluruhan proses pendaftaran bagi pihak yang tidak diwakili dalam perbicaraan kemuflisan. Bagi panduan langkah demi langkah, sila rujuk bahagian seterusnya.



**Kios Pendaftaran CDMS**

1. **Isikan Nombor Kad Pengenalan/Pasport/FIN**
2. **Pilih Jurubahasa (Jika perlu)**
3. **Lengkapkan pendaftaran dan ambil tiket nombor giliran**
4. **Tunggu loceng berbunyi dan nombor giliran berwarna merah dipaparkan di panel-panel panggilan**
5. **Pergilah ke kamar bicara apabila nombor giliran dipanggil**

# (IV) PROSES PENDAFTARAN




**LANGKAH 1**

Sentuh skrin




**LANGKAH 2**

Pilih “Kes Kemuflisan” [Bankruptcy Cases]




**LANGKAH 3**

Pilih “Saya tidak diwakili peguam” [I am an unrepresented party]

**LANGKAH 4**

Isikan nombor kad pengenalan anda[1] (Bagi orang asing, isikan nombor pasport/FIN[1])

Tekan “Seterusnya” [Next]

[1] Isikan nombor pengenalan yang tertera di saman anda. Jika anda menerima mesej ralat setelah berbuat demikian, sila ke Kaunter 1 atau 2 di Pejabat Pendaftaran Undang-Undang (Aras 2) untuk dapatkan bantuan.




**LANGKAH 5**

Jika anda perlukan bantuan jurubahasa, pilih jurubahasa bagi bahasa yang dikehendaki dan tekan "Seterusnya" [Next][2]

Jika jurubahasa tidak diperlukan, pilih "Tidak" [No], dan tekan "Seterusnya" [Next]




**LANGKAH 6**

Nombor giliran akan dijana dan dicetak. Ambil tiket nombor giliran anda dan tekan "Selesai" [Finish]

[2] Jika jurubahasa bagi bahasa yang dikehendaki tidak tersenarai di skrin, sila ke Kaunter 1 atau 2 di Pejabat Pendaftaran Undang-Undang (Aras 2) untuk dapatkan bantuan.




## LANGKAH 7

Pastikan anda tahu nombor giliran dan nombor kamar bicara anda




## LANGKAH 8

Tunggu di kawasan terletaknya panel-panel panggilan (lihat muka surat 3 bagi lokasinya) untuk nombor giliran anda dipanggil. Harap maklum bahawa nombor giliran tidak semestinya dipanggil mengikut urutan[3]




## LANGKAH 9

Apabila nombor giliran baru dipanggil, ia akan dipaparkan dengan warna merah di bawah ruang "Sekarang" ["Now"] dan loceng akan berbunyi

Apabila nombor giliran anda dipanggil, sediakan dokumen pengenalan bergambar anda dan pergilah ke kamar bicara yang tertera di tiket nombor giliran anda

[3] Nombor giliran dipanggil berdasarkan status kesediaan dan permohonan para pihak.

## Maklumat Berguna Untuk Pihak Yang Tidak Diwakili Dalam Prosiding Kemuflisan

Untuk mendapatkan maklumat tentang perkara kemuflisan dan/atau bantuan guaman dan nasihat, sila ke laman web agensi-agensi relevan berikut:

| | |
|---|---|
| **Mahkamah Agung** | |
| **Maklumat tentang Prosiding Kemuflisan** | **Laman web:** https://www.supremecourt.gov.sg/rules/court-processes/civil-proceedings/other-civil-proceedings-and-processes/bankruptcy-proceedings |
| **Kementerian Undang-undang** | |
| **Pejabat Insolvensi, Kementerian Undang-undang** | **Laman web:** https://www.mlaw.gov.sg/io |
| **Biro Bantuan Guaman** | Biro Bantuan Guaman menyediakan khidmat guaman, pertolongan dan bantuan kepada warganegara Singapura dan Penduduk Tetap dalam perkara sivil seperti perceraian, penjagaan anak-anak, pengambilan anak angkat, pemecatan salah, surat kuasa mentadbir/probet, pertikaian sewaan, dan tuntutan dalam kontrak dan tort.<br><br>**Laman web:** https://www.mlaw.gov.sg/lab |
| **Skim Pembayaran Balik Hutang (DRS)** | DRS adalah skim pembayaran balik yang dikendalikan oleh Pejabat Insolvensi bagi membantu penghutang yang mempunyai pendapatan tetap dan hutang tidak melebihi $100,000, bagi mengelak kemuflisan.<br><br>**Laman web:** https://www.mlaw.gov.sg/content/io/en/bankruptcy-and-debt-repayment-scheme/debt-repayment-scheme.html |
| **Hubungi Kami @ One MinLaw** | **Borang Pertanyaan Dalam Talian:** https://www.mlaw.gov.sg/eservices/enquiry<br>**Tel:** 1800-225-5529 |
| **Pusat Keadilan Masyarakat** | |
| **Skim Nasihat Guaman Di Tempat (OSLA)** | Klinik guaman kemuflisan khusus diadakan setiap **Khamis** di **Aras 2 Mahkamah Agung** pada masa-masa berikut:<br>• Sesi Pagi 10.00 pagi – 12.30 petang<br>• Sesi Petang 2.30 petang – 5.00 petang<br><br>**Laman web:** https://cjc.org.sg/services/legal-services/on-site-legal-clinic-oslas<br>**Tel:** 6557 4100<br>**Email:** help@cjc.org.sg |
| **Kaunseling Kredit Singapura** | |
| **Kaunseling Kredit Singapura** | Kaunseling Kredit Singapura dikhususkan untuk membantu mereka yang mempunyai masalah hutang tidak bercagar, masalah undang-undang dan masalah hutang pengguna.<br><br>**Laman web:** http://www.ccs.org.sg<br>**Tel:** 6338 2663<br>**Email:** enquiry@ccs.org.sg |
| **Badan Peguam Singapura** | |
| **Pejabat Khidmat Pro Bono** | Menyediakan nasihat guaman asas percuma bagi mereka yang menghadapi isu undang-undang tentang perkara peribadi dan tidak mempunyai akses kepada nasihat guaman atau perwakilan.<br><br>**Laman web:** http://probono.lawsociety.org.sg<br>**Tel:** 6536 0650<br>**Email:** probonoservices@lawsoc.org.sg |

SUPREMECOURT

SINGAPORE